

UNTUK SIARAN SEGERA

Encik Ou Shian Waei Dilantik selaku Pengerusi Private Pension Administrator Malaysia (PPA) berkuatkuasa 1 Julai 2021

PPA dan industri Skim Persaraan Swasta (PRS) memasuki tahun ke-10 bulan ini

PETALING JAYA (1 Julai 2021): Encik Ou Shian Waei telah dilantik sebagai Pengerusi Private Pension Administrator Malaysia (PPA) yang baru, berkuatkuasa 1 Julai 2021 ini, menurut pentadbir pusat Skim Persaraan Swasta (PRS) itu hari ini. Beliau menggantikan Datuk Zaiton Mohd Hassan, yang bersara selepas berkhidmat selama sembilan tahun sebagai Pengerusi PPA yang pertama.

Encik Ou, merupakan seorang Pengarah Kepentingan Awam dalam lembaga pengarah urus tadbir PPA sejak mula ditubuhkan. Di samping peranan beliau di PPA, beliau juga merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad dan ahli Lembaga FIDE FORUM. Sebelum ini, beliau juga pernah berkhidmat selaku Pengarah di Alliance Financial Group Berhad dan Alliance Bank Malaysia Berhad serta Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif AIG Malaysia.

Seorang veteran dalam industri teknologi maklumat dan perkhidmatan kewangan, Encik Ou bersara sebagai CEO/ Pengurus Besar Negara bagi syarikat gergasi pengkomputeran IBM pada Januari 2010, selepas hampir 30 tahun dalam perkhidmatan.

Pelantikan Encik Ou bakal membawa bersama kepimpinan dan pengalaman luas beliau bagi memastikan PPA terus memegang mandat bagi melindungi kepentingan Ahli PRS serta meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai kepentingan perancangan persaraan.

Encik Ou berkata, "Saya sangat terharu dengan kepercayaan yang diberikan bagi memperkuatkan lagi peranan PPA sebagai pentadbir pusat PRS. PPA akan terus melindungi kepentingan Ahli PRS dan mengembangkan industri PRS bersama-sama lapan Penyedia PRS dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia".

"Saya mewakili pihak PPA ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Datuk Zaiton, di mana di bawah kepimpinan beliau sejak dari mula ditubuhkan pada 2012, telah membawa PPA dan industri PRS ke suatu tahap seperti yang kita lihat hari ini. Setakat 31 Mei 2021, terdapat lebih setengah juta orang Ahli PRS dengan jumlah Nilai Aset Bersih (NAB) sebanyak RM5.1 billion," tambah Encik Ou.

- TAMAT -

Mengenai PPA

Private Pension Administrator Malaysia (PPA) adalah pentadbir pusat untuk Skim Persaraan Swasta (PRS). PPA adalah badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan ditubuhkan untuk mentadbir dan mempromosikan pertumbuhan industri PRS.

Peranan penting PPA adalah untuk menguruskan akaun berpusat seumur hidup bagi Ahli PRS. PPA secara berterusan menekankan kepentingan membuat simpanan persaraan melalui PRS dengan menjadi pusat sumber sehati untuk orang ramai mengenai pendidikan persaraan dan PRS di Malaysia. Ini termasuklah pelaksanaan inisiatif tambah nilai seperti program pemasaran untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai, selain kerjasama dengan badan berkepentingan yang meliputi universiti, media dan agensi kerajaan bagi menggalakkan rakyat Malaysia untuk menyimpan lebih banyak untuk masa depan dengan PRS. Perkhidmatan PRS Online yang dibangunkan oleh PPA membolehkan orang ramai dan Ahli PRS untuk mendaftar dan menambah caruman PRS mereka melalui komputer dan peranti pintar dengan mudah, selesa dan selamat.

Mengenai PRS

Skim Persaraan Swasta (PRS) adalah skim simpanan dan pelaburan sukarela jangka panjang yang direka untuk membantu rakyat Malaysia menyimpan lebih banyak untuk persaraan mereka. PRS berusaha untuk meningkatkan pilihan bagi semua rakyat Malaysia sama ada bekerja atau bekerja sendiri untuk menambah simpanan persaraan mereka di bawah persekitaran yang tersusun dan dikawal selia. Terdapat lapan Penyedia PRS yang menawarkan 57 pilihan dana persaraan, di mana individu boleh memilih untuk melabur berdasarkan keperluan persaraan, matlamat dan tahap risiko mereka sendiri. Opsyen dana di bawah PRS adalah bertujuan untuk meningkatkan pulangan jangka panjang untuk Ahli dalam rangka kerja yang dikawal selia. Rakyat Malaysia mempunyai pilihan untuk menyimpan di PRS melalui pelbagai saluran seperti PRS Online, Penyedia PRS dan hampir 25,000 Perunding PRS.

Talian Media:

Serena Lim

Head of Marketing & Communication

Private Pension Administrator Malaysia

serena.lim@ppa.my